

129

NO. SOALAN : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 8 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang peruntukan tahunan untuk negeri-negeri yang menjalankan kerja-kerja pemulihan dan pemugaran harta-harta purba di negeri masing-masing :-

- (a) berapa permohonan dari negeri Melaka pada tahun 2010 hingga tahun ini untuk tujuan ini; dan
- (b) senaraikan setiap permohonan.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini memperuntukkan bajet untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan warisan bagi tujuan pemuliharaan dan perlindungan mana-mana tapak yang berkepentingan warisan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, permohonan peruntukan ini bergantung juga kepada peruntukan kewangan semasa.

- a) Permohonan yang diterima oleh Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara bagi negeri Melaka adalah sebanyak 28 permohonan sejak 2010 sehingga kini.
- b) Senarai projek pemuliharaan dan pemugaran bagi negeri Melaka dari tahun 2010 sehingga 2017 adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>PROJEK</b>	<b>KOS (RM)</b>
1.	2010	Konservasi Bangunan Lama HSBC, Bandar Hilir, Melaka	<b>577,861.77</b>
2.	2010	Konservasi Bangunan Annex, Bangunan Lama HSBC, Banda Hilir, Melaka	<b>450,999.50</b>
3.	2010	Pengecatan Bangunan di Zon Utama dan Zon Penampan dalam kawasan Konservasi Majlis Bandaraya Melaka	<b>1,820,000.00</b>

BIL.	TAHUN	PROJEK	KOS (RM)
4.	2010	Konservasi Bangunan 127 di Jalan Hang Jebat, Melaka	172,224.00
5.	2010	Kerja Baik Pulih Bangunan Sekolah Bandar Hilir, Jalan Parameswara, Melaka	261,000.00
6.	2010	Kerja Konservasi Bangunan No.25, Jalan Hang Kasturi, Melaka	172,174.00
7.	2011	Penyelenggaraan Tapak-tapak Bersejarah di Melaka yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Melaka	1,000,000.00
8.	2011	Kerja-kerja Pemasangan Pagar Keselamatan dan Papan Penerangan di Tapak Arkeologi Kota Melaka di Sektor II B (Taman Permainan Kanak-kanak) dan Sektor III (Taman Muzium Budaya) dan Taman Merdeka, Banda Hilir, Melaka	48,380.00
9.	2012	Kerja-kerja Pembaikan Bumbung dan lain-lain Kerja berkaitan di Bangunan Warisan Pejabat Warisan Negara Zon Selatan (Bangunan Lama HSBC) Jalan Kota, Banda Hilir, Melaka	226,990.00
10.	2013	Kerja Konservasi Bangunan Warisan Masjid Kampong Hulu, Melaka	2,439,191.45
11.	2013	Kerja Konservasi Bangunan Warisan Masjid Kampong Kling, Melaka	2,356,179.00
12.	2013	Kerja Konservasi Bangunan Stadhuys, Melaka	4,506,716.00

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>PROJEK</b>	<b>KOS (RM)</b>
13.	2013	Kerja Baikpulih Tapak Warisan Runtuhan Gereja St Paul, Melaka	<b>104,500.00</b>
14.	2013	Kerja Baikpulih Tapak Warisan Gerbang Porta De Santiago, Melaka	<b>70,400.00</b>
15.	2013	Projek Master Plan Reka bentuk Bandar Tapak Warisan Dunia Melaka secara <i>Design and Built</i>	<b>10,314,036.00</b>
16.	2013	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pembersihan Tapak Ekskavasi Arkeologi Kota Melaka	<b>72,220.00</b>
17.	2014	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pembersihan Tapak Ekskavasi Arkeologi Kota Melaka	<b>77,300.00</b>
18.	2014	Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Pejabat JWN di Bangunan Lama HSBC Melaka.	<b>59,500.00</b>
19.	2015	Kerja Naik Taraf dan Baikpulih: a. Kabel Pagar Keselamatan Di Bastion Middelburgh b. Pagar Di Bastion Fredrick Hendrick c. Kemudahan Pelawat Di Tapak Penyelidikan Dan Ekskavasi Arkeologi Bastion Victoria Dan Bastion Maurits	<b>113,981.00</b>
20.	2015	Kerja-kerja Membaik pulih Kerosakan di Galeri Demang Abdul Ghani, Merlimau, Melaka	<b>19,700.00</b>
21.	2015	Penyelenggaraan Pembersihan Tapak Warisan Negeri Melaka	<b>38,750.00</b>

BIL.	TAHUN	PROJEK	KOS (RM)
22.	2016	Kerja-kerja Mengecat Semula Bangunan Lembaga Air Melaka	71,550.00
23.	2016	Perkhidmatan Melupuskan Tumbuhan Liar dan Parasit di Bangunan Lama HSBC (Galeri Kota Melaka)	12,800.00
24.	2016	Kerja-kerja Penyenggaraan Kebersihan Tapak Arkeologi Negeri Melaka secara <i>One-Off</i>	4,090.00
25.	2016	Kerja-kerja Menaiktaraf Sebahagian Tapak Arkeologi Negeri Melaka	46,000.00
26.	2016	Perkhidmatan Melupuskan Tumbuhan Liar dan Parasit di Monumen Warisan Runtuhan Gereja St Paul dan Gerbang Santiago	17,100.00
27.	2016	Projek penyelidikan dan Ekskavasi Arkeologi di Kampung Chohong, Jasin, Melaka	10,000.00
28.	2017	Projek Naik Taraf Galeri Warisan Kota Melaka, Bangunan HSBC Melaka	8,153,069.18
		<b>JUMLAH</b>	<b>33,216,711.90</b>

Sekian, terima kasih.